

Yahya cadang Jawatankuasa Pemantau Sungai Petagas ditubuh

NST 07.12.2012 3

OLEH MARRYAN RAZAN (marrayan@newsabtimes.com.my)

PUTATAN: Timbalan Ketua Menteri Datuk Seri Yahya Hussin mencadangkan supaya satu Jawatankuasa Pemantau Sungai khususnya untuk Sungai Petagas ditubuhkan bagi menjaga kebersihan sungai berkenaan.

Beliau yang juga Menteri Pertanian dan Industri Makanan berkata, ini penting bagi meningkatkan kesedaran kepada orang ramai khususnya masyarakat sekitar untuk lebih komited dan bertanggungjawab menjaga kebersihan sungai.

"Saya mencadangkan kepada Pegawai Daerah di daerah ini mewujudkan satu jawatankuasa khas untuk memantau Sungai Petagas, begitu juga dengan sungai lain.

"Sekarang ini pihak Universiti Malaysia Sabah (UMS) amat komited untuk membantu kita dalam memperbaiki keadaan Sungai Petagas dan sungai-sungai lain di Sabah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Penambahbaikan dan Pemuliharaan Udang Galah serta Program Kesedaran Masyarakat Setempat Terhadap Kepentingan Sungai Petagas, di Dewan Raya Kampung Petagas, di sini, kelmarin.

Turut hadir Pengarah Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) UMS, Prof. Dr. Saleem Mustafa, Ketua Projek Komuniti Sg. Petagas Prof. Datin Seri Panglima Dr. Ann Anton, Pegawai Daerah Putatan, Ag. Abd. Ghani Pg. Yusoff, Pengarah Jabatan Perikanan Negeri, Rayner S. Galid, Setiausaha Politik Yahya, Haji Mahlan Zinin dan masyarakat Kampung Petagas.

Yahya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kawasan Petagas berkata, kesedaran orang ramai terhadap penjagaan sungai masih rendah.

"Kita lihat keadaan sungai masih kotor

misalnya tebing-tebing sungai masih terdapat sampah dan sisa-sisa buangan. Ada pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab membuang sampah dan sisa daripada bahan industri ke Sungai Petagas.

"Apa yang terjadi sekarang ini ialah sungai seolah-olah menjadi tempat pembuangan sampah bukan sahaja dari orang kampung tetapi juga dari pelbagai industri dan kilang.

"Kita mendapat maklumat kadang kala malam dan awal pagi mereka membawa lori buang sampah dan sisa-sisa daripada bahan industri ke sungai ... ini menjadikan sungai tercemar," katanya.

Terdahulu itu ketika berucap Yahya berkata, daerah Putatan yang penduduknya kini mencecah lebih 50,000 semakin berkembang pesat dan perkembangan ini turut mempengaruhi fungsi dan keadaan persekitaran Sungai Petagas.

"Lebih kurang 40 tahun dahulu, Sungai Petagas merupakan sumber ekonomi bagi komuniti nelayan dari kampung-kampung yang terletak di sepanjang sungai ini.

"Kepelbagaian sumber akuatiknya menjadi hasil tangkapan utama bagi mereka dan air sungai yang bersih menjadi sumber bekalan air utama bagi komuniti.

"Namun pada masa kini, menurut penemuan Jabatan Alam Sekitar yang memantau prestasi air sungai di seluruh negara, termasuk di negeri ini, kualiti air Sungai Petagas semakin merosot akibat pembuangan sisa-sisa domestik seperti beg dan botol plastik," katanya.

Beliau berkata kemerosotan kualiti air sungai itu secara langsung mempengaruhi kehidupan akuatik yang terdapat di dalamnya.

"Oleh itu saya berharap dengan adanya program penambahbaikan dan pemuliharaan sumber akuatik yang diusahakan bersama antara Pejabat Daerah dan IPMB UMS ini akan mampu mentransformasikan dan menambahbaik status sosio ekonomi ko-



YAHYA meneliti buku Laporan Teknikal Kemajuan Penambahbaikan Stok Perikanan Untuk Manfaat Masyarakat Setempat sambil diperhatikan oleh Dr. Ann (dari kiri), Rayner, Ag. Abd. Ghani dan Dr. Saleem (kanan).



YAHYA diberi penerangan oleh Dr. Saleem semasa melawat gerai pameran.

muniti setempat serta status kualiti air sungai.

"Program ini merupakan pemacu kepada masa depan yang lebih baik bagi Sungai Petagas. Apabila keadaan sungai kembali pulih, persekitaran sungai ini berpotensi untuk dibangunkan sebagai sebuah kawasan eko-pelancongan.

"Ini akan memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan dan sekaligus mempertingkatkan tahap sosio ekonomi mereka," katanya.

Yahya berkata penglibatan UMS dalam projek penambahbaikan sumber Sungai Petagas menjadi perangsang bagi penduduk

setempat di mana mereka dapat didedahkan kepada kajian-kajian saintifik.

Program tersebut merupakan fasa kedua bagi inisiatif penambahbaikan stok perikanan yang mana fasa satu telah dijalankan pada 23 April lalu.

Pada majlis itu Yahya turut melancarkan Laporan Kemajuan Penambahbaikan Udang Galah Fasa I dan papan tanda bagi Projek Penambahbaikan Udang Galah Fasa I di tebing Sungai Petagas.

Beliau juga menyaksikan penyerahan sumbangan benih udang galah dan ikan kepada 10 buah kampung dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Petagas.